



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH RURAL BUSINESS  
CHALLENGE (RBC) 2016  
DAN PELANCARAN REALITI RBC 2017**

**DEWAN CASHMERE,  
HOTEL THE ZENEITH, KUANTAN, PAHANG**

**13 MEI 2017, SABTU  
WAKTU KETIBAAN: 11.00 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

## **SALUTASI SEWAJARNYA**

Bismillahirrahmannirrahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku,

Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah izinNya dapat kita bersama-sama pada pagi ini berhimpun dalam Majlis Penyampaian Anugerah *Rural Business Challenge* 2016 dan Pelancaran Realiti RBC 2017. Syabas dan tahniah kepada barisan jawatankuasa penganjur majlis ini kerana telah Berjaya melaksanakan amanah dan kelancaran majlis kita hari ini.

Yang Berhormat/Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

1. Aspirasi Kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020 dalam semua aspek termasuk dibidang ekonomi, dan bagi memastikan matlamat ini tercapai, Kerajaan telah melaksanakan Dasar Transformasi Negara yang berpaksikan rakyat melalui Model Baru Ekonomi dengan menetapkan matlamat untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi yang inklusif serta mampan. Selain itu, di bawah Teras Strategik Rancangan Malaysia Ke Sebelas, Kawasan luar bandar akan ditransformasikan melalui penambahbaikan ketersambungan dan mobiliti serta pewujudan persekitaran perniagaan yang kondusif. Kerajaan akan terus memastikan luar bandar tidak ketinggalan di dalam arus pembangunan dan kemajuan negara, luar bandar merupakan nadi atau penggerak utama kepada kemajuan negara.

2. Sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah yang bertanggung jawab terhadap pembangunan dan kemajuan luar bandar, Saya telah melancarkan Pelan Transformasi Luar Bandar, agenda utama Kementerian ini ialah Membandarkan Luar Bandar dengan matlamat menjadikan kawasan luar bandar yang kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan seperti yang dinikmati oleh penduduk di bandar. Selain menyediakan infrastuktur asas yang mencukupi, sikap dan mindset masyarakat luar bandar juga perlu ditingkatkan melalui ilmu dan kemahiran. Mencipta lebih banyak peluang pekerjaan di luar bandar agar penduduk luar bandar dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi melalui aktiviti ekonomi dan keusahawanan. Seterusnya, memberi galakkan kepada generasi muda untuk terus tinggal dan membina masa hadapan di luar bandar.

3. Program Rural Business Challenge (RBC) merupakan salah satu program dibawah Pelan Transformasi Kerajaan (GTP 2.0); Pembangunan Luar Bandar. Tujuan RBC ini dilaksanakan adalah sebagai usaha Kerajaan untuk menggalakkan golongan belia khususnya di luar bandar supaya memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan atau sumber pendapatan mereka, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, seterusnya menjadikan kawasan luar bandar yang menarik setanding dengan bandar untuk didiami terutamanya oleh golongan belia.

4. RBC yang mula dilaksanakan pada tahun 2012 terbahagi kepada dua kategori pertandingan iaitu Pengembangan Perniagaan dan Idea Perniagaan. Syarat-syarat pertandingan ini adalah dibuka khas kepada golongan belia Malaysia yang berumur dari 18 tahun hingga 40 tahun, peserta perlu menyediakan Cadangan Rancangan Perniagaan atau Idea Perniagaan yang berdaya maju dan menguntungkan, samada dari sektor pertanian, pembuatan, perkhidmatan atau pelancongan desa. **Syarat yang paling utama di dalam pertandingan ini adalah pelaksanaan projek atau perniagaan mestilah dilaksanakan di kawasan luar bandar.**

Yang Berhormat/Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Bagi tempoh tiga tahun RBC dilaksanakan, seramai 107 orang pemenang di bawah kedua-dua kategori yang dipertandingkan, seramai 77 orang pemenang dari kategori Pengembangan Perniagaan dan 30 orang pemenang dari Idea Perniagaan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 44.9 peratus pemenang adalah dari sektor pembuatan, 33.7 peratus dari sektor pertanian, 14.9 peratus dari sektor perkhidmatan, manakala sebanyak 7.5 peratus dari sector pelancongan desa. Jumlah hadiah keseluruhan pertandingan yang telah dimenangi berjumlah Ringgit Malaysia 58.38 juta yang diberi dalam berbentuk geran perniagaan kepada pemenang. Tidak dinafikan jumlah pemenang dan hadiah yang dimenangi akan bertambah setiap tahun, tetapi apa yang penting kepada saya ialah bilangan pemenang-pemenang yang telah dicungkil dari program ini dan berjaya menembusi pasaran dan kekal di dalam persaingan perniagaan yang begitu kompetatif pada masa ini.

6. Pengukuran kejayaan pelaksanaan program ini dapat dilihat bagaimana bantuan atau geran yang diberikan telah dapat memberi impak yang besar kepada kemajuan dan pengembangan perniagaan pemenang serta peningkatan pendapatan usahawan-usahawan yang telah memenangi pertandingan ini. Prestasi pelaksanaan RBC ini telah menunjukkan kejayaan yang amat membanggakan dan telah memberi outcome yang besar kepada pemenang-pemenang, di mana purata peratus pendapatan bulanan bagi 54 orang pemenang RBC telah meningkat sebanyak 116 peratus. Pemenang-pemenang ini juga telah berjaya mewujudkan

sebanyak 487 peluang-peluang pekerjaan baru kepada penduduk persekitaran di luar bandar secara langsung, manakala sebanyak 1,059 peluang pekerjaan baru secara tidak langsung. Selain itu, pemenang-pemenang ini juga telah berjaya mewujudkan seramai 353 orang usahawan baharu yang memberi sokongan kepada perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, kesan limpahan sebenar dari kejayaan pemenang-pemenang ini kepada masyarakat diluar bandar boleh dipertingkatkan lagi. Kejayaan ini boleh dijadikan sebagai titik permulaan, kepada para usahawan kerana kejayaan sesebuah perniagaan kebiasaannya akan mengambil masa tiga hingga lima tahun.

7. Jumlah penyertaan peserta program RBC juga telah meningkat setiap tahun, pada tahun 2016 seramai 1,402 orang peserta telah memohon untuk menyertai program ini, berbanding seramai 560 orang peserta pada tahun 2015, dimana bagi kategori Pengembangan Perniagaan meningkat sebanyak 59.1 peratus, manakala bagi kategori Idea Perniagaan peningkatan penyertaan adalah sebanyak 621 peratus. Sektor Pelancongan Desa merupakan sektor pilihan peserta dan menunjukkan peningkatan yang paling besar bagi kedua-dua kategori, diikuti oleh sektor pertanian dan pembuatan. Peningkatan peratusan penyertaan yang amat besar ini menunjukkan program RBC telah berjaya dan masih relevan dalam usaha Kerajaan untuk membantu dan meningkatkan keusahawanan di luar bandar.

8. Merujuk kepada kejayaan-kejayaan pemenang dan peningkatan jumlah penyertaan RBC setiap tahun yang telah saya nyatakan tadi, maka program RBC ini akan terus dilaksanakan pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, konsep RBC pada tahun ini diubah kepada konsep realiti TV untuk menjadikan program RBC ini lebih menarik, mendapat liputan dan hebahan yang lebih meluas serta lebih ramai belia dapat menyertai program ini. RBC 2017 secara realiti ini akan memberi lebih cabaran kepada peserta melalui pendekatan yang dinamik, mengikut keperluan dan persekitaran pembangunan usahawan semasa. Selain itu, konsep ini juga dapat mengenalpasti dan mencungkil bakat sebenar usahawan desa supaya lebih kreatif dan inovatif dalam mengembang dan mempromosikan produk dan perkhidmatan usahawan luar bandar dengan lebih efektif.

Yang Berhormat/Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Program Realiti RBC 2017 ini dilaksanakan selama tiga bulan dan akan disiarkan di TV3 pada setiap hari Ahad, jam 5.30 petang hingga 6.00 petang, sebanyak 13 episod akan ditayangkan, di mana episod akhir akan di siarkan secara langsung di TV3. Peserta yang berjaya sahaja akan dipilih untuk menyertai Program Realiti RBC 2017, peserta-peserta ini akan ditempatkan di satu lokasi dan diberi latihan dan tunjuk ajar berkaitan bidang keusahawanan. Selain itu, peserta ini juga akan dibantu dan dibimbing oleh empat orang *sifu* usahawan selebriti yang akan bersama mereka. Manakala, pemenang Realiti RBC 2017 akan dipilih oleh empat

orang juri professional yang mahir di dalam bidang masing-masing, selain itu juri awam juga akan dibuka kepada orang ramai melalui kaedah SMS untuk membantu memilih pemenang yang mereka minati. Selain itu, Realiti RBC 2017 juga memberi peluang kepada orang ramai bersama-sama peserta yang terlibat didalam program ini mempelajari ilmu keusahawanan melalui modul-modul latihan yang akan disampaikan oleh pakar di dalam bidang keusahawanan semasa program ini berlangsung.

10. Pemenang atau juara program Realiti RBC 2017 bagi kategori Pengembangan Perniagaan akan memenangi hadiah berjumlah Ringgit Malaysia satu juta dalam bentuk wang tunai dan geran perniagaan yang akan diberikan secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun, manakala pemenang bagi kategori Idea Perniagaan akan menerima hadiah berjumlah Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu, selain hadiah wang tunai dan geran, pemenang bagi kedua-dua kategori juga akan ditawarkan kemudahan-kemudahan pinjaman untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka.

11. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Penyampaian Anugerah RBC 2016 akan disempurnakan sebenar lagi, saya ingin mengambil kesempatan dan peluang ini, untuk mengucapkan tahniah kepada pemenang-pemenang dan kepada mereka yang tidak berjaya, peluang untuk menjadi usahawan desa masih terbuka luas, pelbagai inisiatif dan insentif telah disediakan oleh pihak Kerajaan melalui KKLW untuk membantu dan membangunkan usahawan di luar bandar yang perlu digunakan oleh tuan-tuan dan puan-puan. Program Realiti RBC 2017 juga akan dilancar pada majlis yang sama pagi ini, saya mengambil peluang di sini untuk menyeru kepada semua belia terutamanya di luar bandar yang bercita-cita ingin menjadi usahawan desa supaya menyertai program Realiti RBC 2017. Mereka yang berminat bolehlah mendaftar dan datanglah beramai-ramai ke lokasi-lokasi yang akan dimaklumkan sebentar nanti untuk *audition*, dan jangan lupa membawa cadangan rancangan perniagaan dan contoh produk masing-masing untuk dinilai semasa sesi *audition* nanti.

12. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada pemenang RBC 2016, semoga dengan kejayaan tuan-tuan dan puan-puan ini bukan sahaja meningkatkan bilangan usahawan desa yang berjaya di negara ini, tetapi dapat mewujudkan usahawan yang berdayasaing dan menebusi pasaran global. Kepada para juri, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana banyak berkorban masa untuk menilai kesemua cadangan Rancangan Perniagaan peserta, tidak ketinggalan kepada urusetia dan semua yang terlibat dan memberi sokongan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Program RBC 2016. Kepada bakal-bakal usahawan desa yang akan menyertai RBC 2017, saya ucapkan selamat bertanding dan berjaya mencapai cita-cita untuk menjadi usahawan desa. Saya juga berdoa agar Program Realiti RBC 2017 dapat dilaksanakan dengan lancar dan berjaya mencungkil usahawan-usahawan desa baharu yang mampu bersaing di peringkat global.

13. Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.